



جَابَرَ مُفْتَنِي نَبِيٰ قَبْعَ

**TEKS**

**KHUTBAH  
HARI RAYA**

**AIDILFITRI**

**NEGERI PAHANG**

**1446H/2025M**



## KHUTBAH PERTAMA AIDILFITRI 1446H/ 2025M

الله أَكْبَرُ ، الله أَكْبَرُ ، الله أَكْبَرُ

الله أَكْبَرُ ، الله أَكْبَرُ ، الله أَكْبَرُ

الله أَكْبَرُ ، الله أَكْبَرُ ، الله أَكْبَرُ ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

أَحْمَدُ اللَّهِ الَّذِي سَهَّلَ لَنَا الصِّيَامَ وَالْقِيَامَ وَيَسَّرَ، نَحْمَدُهُ عَلَى نِعْمَةِ  
 الَّتِي لَا تُحْصَى وَلَا تُحْصَرُ،  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، تَفَرَّدَ بِالْخَلْقِ وَالْتَّدْبِيرِ  
 وَكُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ بِأَجْلٍ مُقَدَّرٍ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
 وَرَسُولُهُ أَفْضَلُ مَنْ صَامَ وَقَامَ وَصَلَّى وَزَكَى وَحَجَّ وَاعْتَمَرَ،  
 وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الَّذِينَ أَذْهَبَ عَنْهُمُ الرِّجْسَ  
 وَطَهَرَ، وَعَلَى أَصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ مَا بَدَأَ فَجْرٌ وَأَنُورٌ،  
 وَسَلَّمَ تَسْلِيمًا كَثِيرًا  
 أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ، فَقَدْ فَازَ  
 الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredhaan Allah di dunia dan akhirat



اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

**Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,**

Hari ini satu syawal umat Islam merayakan sambutan aidil fitri dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala setelah melalui Ramadan yang penuh keberkatan. Semoga Allah Azzawajalla menerima semua amal ibadat kita. Firman Allah Azzawajalla dalam surah al-Baqarah ayat-185,

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا

هَدَأْكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

**Yang bermaksud:** “(Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur.”

Nabi sallallahu`alaihi wasallam juga bersabda dalam hadis riwayat Imam Abu Daud:

إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَبْدَلَكُمْ بِهِمَا حَيْرًا مِنْهُمَا يَوْمَ الْأَضْحَى وَيَوْمَ الْفَطْرِ

**Yang bermaksud:** “Sesungguhnya Allah telah mengantikan dua hari raya tersebut (2 hari Jahiliah iaitu Nairuz dan Mahrajan) dengan yang lebih baik iaitu hari raya Aidiladha dan Aidilfitri.”



Zahirkanlah kegembiraan kita dengan memakai pakaian cantik, menghias rumah, memasak makanan yang enak dan berhimpun bersama ahli keluarga, semua ini adalah pahala di sisi Allah Ta'ala. Bahkan terdapat riwayat bahawa Rasulullah sallallahu`alaihi wasallam membiarkan para sahabat berhibur di hari raya dengan dua orang hamba menyanyi serta menari kebudayaan mereka, Saidatina Aisyah Radiallah Anha berkata dalam hadis riwayat Imam Ahmad yang bermaksud:

*“Orang Habsyah bermain di sisi Nabi sallallahu`alaihi wasallam ketika hari raya. Maka aku pun muncul dari atas bahunya dan melihat mereka sedang bermain sehingga aku merasa puas dan kemudian beredar (dari situ).”*

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah Ta'ala,**

Pada hari yang mulia ini juga, rebutlah peluang menyambut kemeriahannya dengan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dengan doa dan ucapan:

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ

iaitu semoga Allah menerima amalan kami dan juga kamu sebagaimana yang telah dilakukan oleh para sahabat Nabi ketika bertemu sesama mereka.

Malah untuk memeriahkan lagi dan mengukuhkan ikatan persaudaraan yang sedia terjalin, umat Islam digalakkan ziarah-



menziarahi dan bermaafan sesama keluarga, sahabat handai dan jiran tetangga untuk memperkuatkan lagi hubungan silaturrahim dan persaudaraan Islam, lebih-lebih lagi menziarahi kenalan ibubapa sebagaimana dinyatakan dalam sebuah hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud:

*“Sesungguhnya sebaik-baik kebaikan ialah seseorang anak menghubung silaturrahim dengan kenalan ibubapanya.”*

Ingatlah, aidilfitri adalah simbol kasih sayang dan perpaduan serta kesatuan umat Islam. Ketepikanlah perbezaan fahaman politik, aliran pemikiran dan sebab-sebab yang boleh membawa kepada permusuhan.

الله أَكْبَرُ ، الله أَكْبَرُ ، وَلِلّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah Taala,**

Marilah kita merayakan aidilfitri dengan kegembiraan dan kesyukuran kepada Allah Taala. Namun janganlah kegembiraan dirosakkan dengan perbuatan yang bertentangan dengan Islam. Imam Ibnu Rajab al-hanbali pernah berkata:

*“Bukanlah hari raya itu bagi seseorang yang memakai baju baru, tetapi hakikatnya hari raya itu bagi mereka yang bertambah ketaatannya kepada Allah. Bukanlah hari raya itu bagi sesiapa yang memperagakan pakaian dan kenderaan, tetapi hakikat hari raya itu bagi mereka yang diampunkan dosanya pada malam hari raya.”*



Oleh itu, ketika berhari raya elakkan daripada hiburan yang melampau, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, jauhi bersalaman dengan perempuan yang bukan mahram serta elakkan pembaziran. Ketika berziarah eratkanlah hubungan silaturrahim dengan bertegur sapa dan elakkan daripada berlebihan menggunakan telefon bimbit sehingga tidak berkomunikasi dengan orang yang dekat dengan mereka.

Ingatlah, hari raya merupakan bukti kemenangan kembali kepada fitrah, dengan kita berjaya melawan hawa nafsu di bulan Ramadan. Oleh itu, teruslah beristiqamah untuk beribadat kepada Allah Taala selepas Ramadan dengan sentiasa solat berjemaah di masjid sebagaimana di bulan Ramadan dan jangan biarkan masjid kembali sunyi dan sepi.

Bagi yang mengambil kesempatan berkumpul di hari raya menziarahi pusara kaum kerabat terdekat, jagalah adab dan sunnah menziarahi tanah perkuburan. Doalah kepada mereka yang telah pergi supaya diberi keampunan dan kerahmatan daripada Allah Taala. Elakkanlah perbuatan yang bertentangan dengan maksud hari raya.

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah Ta'ala,**

Kesimpulannya, marilah kita menyambut hari raya ini dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran sebagai lambang ketaatan kepada Allah Taala. Usahalah untuk melaksanakan amalan-amalan baik masyarakat kita sempena sambutan hari raya ini dengan merapatkan hubungan silaturrahim sesama Islam. Ingatlah, janganlah kita cemari



kegembiraan hari raya ini dengan perkara-perkara yang bertentangan dengan syariat Islam. Semoga kita sentiasa dirahmati oleh Allah Taala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَإِذَا لَكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا

يَجْمَعُونَ ﴿٥٨﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ  
مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.